

Kedah sambut meriah Timbalan PM dan isteri

ALOR SETAR, Jumaat
— Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan isteri, Datin Seri Dr Siti Hasmah diberikan sambutan meriah setibanya di Lapangan Terbang Kepala Batas di sini pagi tadi untuk memulakan lawatan dua hari ke Kedah.

Lebih 1,000 orang ahli UMNO dan lain-lain ahli parti komponen Barisan Nasional diketuai oleh Menteri Besar, Datuk Seri Syed Nahar Shahabuddin dan isteri, Datin Seri Nik Maimunah berhimpun di lapangan terbang untuk menyambut ketibaan bakal pemimpin negara itu.

Datuk Seri Dr Mahathir terkejut dengan upacara sambutan yang disusun di luar dugaannya itu.

Beliau akan merasmikan konvensyen UMNO Negeri Kedah di Stadium Datuk Syed Omar di sini, pagi esok.

Sebaik saja turun dari pesawat khas TUDM, Datuk Seri Dr Mahathir dan isteri dikalungkan bunga malai istimewa yang dibuat dari bertih oleh Ketua Pergerakan Wanita UMNO Negeri, Hajah Azizah binti Haji Taib yang juga Adun kawasan Kuala Nerang.

Menteri Besar kemudian mengiringi Timbalan Perdana Menteri bersalaman dengan barisan panjang Ahli-ahli Exco, Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri, Ahli Parlimen, dan setiap pendokong Barisan Nasional yang menyambut beliau.

Turut menyerikan lagi acara sambutan ialah ahli-ahli Pergerakan Wanita UMNO yang membawa bunga manggar dan kumpulan gendang pribumi.

Menurut Datuk Seri Syed Nahar, sambutan itu memang dirancang khas oleh Perhubungan UMNO Kedah.

Bahan asal dari Arkib

Negara Malaysia

No. 1

No. 2